

Bil. S 48

**AKTA PENDAFTARAN KEBANGSAAN
(PENGAL 19)**

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN (PINDAAN), 2000

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 6 dari Akta Pendaftaran Kebangsaan, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kebangsaan (Pindaan), 2000.

Pemasukan peraturan 2A baru ke dalam Peraturan-Peraturan utama.

2. Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kebangsaan, dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dipinda dengan memasukkan peraturan baru yang berikut sejurus selepas peraturan 2 —

"Kehendak untuk mendaftar.	2A. Tiap-tiap orang yang dikehendaki untuk mendaftar atau mendaftar semula di bawah Akta tersebut hendaklah melaporkan kepada seseorang pegawai pendaftar dan mendaftar menurut Peraturan-Peraturan ini."
----------------------------	---

Pindaan peraturan 4.

3. Peraturan 4 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda —
 - (a) dengan memasukkan "atau mendaftar semula" sejurus selepas "mendaftar" dalam baris pertama;
 - (b) dalam perenggan (c) —
 - (i) dalam perenggan kecil (vii), dengan memotong "dan";
 - (ii) dengan membatalkan perenggan kecil (viii) dan menggantikannya dengan perenggan-perenggan kecil baru yang berikut —

"(viii) kumpulan darahnya; dan

- (ix) butir-butir lain sebagaimana yang mungkin dianggap perlu oleh pegawai pendaftar dalam sebarang hal tertentu bagi maksud-maksud pengenalan;"
- (c) dalam perenggan (d), dengan memotong noktah dan menggantikannya dengan koma bernoktah;
- (d) dengan menambah perenggan baru yang berikut —
- "(e) menyerahkan kad pengenalannya yang dahulu, jika ada."

Pindaan peraturan 5.

4. Peraturan 5 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda —

- (a) dalam peraturan kecil (1), dengan memasukkan ", kumpulan darahnya" sejurus selepas "cap-cap jarinya" dalam baris kedua terakhir;
- (b) dalam peraturan kecil (2) —
 - (i) dengan memotong "borang yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama" dari baris-baris pertama dan kedua dan menggantikannya dengan "borang sebagaimana yang mungkin diadakan oleh Pesuruhjaya";
 - (ii) dalam perenggan (b), dengan memotong "Kad-kad yang bertepi merah sekelilingnya dengan cetakan merah" dan menggantikannya dengan "Kad-kad yang bertepi ungu sekelilingnya dengan cetakan ungu";
- (c) dengan menambah peraturan kecil baru yang berikut —
- "(3) Dalam peraturan ini —
- "cap jari" termasuk suatu gambaran, yang menyerupai cap ibu jari atau jari yang dikeluarkan semula daripada data yang diperolehi dengan cara elektronik, fotografi atau cara yang sama dan disimpan dengan menggunakan komputer atau alat lain yang serupa;
- "gambar foto" termasuk suatu gambaran yang menyerupai gambar foto yang dikeluarkan semula daripada data yang diperolehi dengan cara elektronik, fotografi atau cara yang sama dan disimpan dengan menggunakan komputer atau alat lain yang serupa."

Pindaan peraturan 7.

5. Peraturan kecil (1) peraturan 7 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda —

- (a) dengan memotong "atau pegawai kastam," dari baris kedua dan menggantikannya dengan "pegawai kastam, pegawai Biro Kawalan Narkotik atau Biro Mencegah Rasuah (disebut dalam peraturan ini sebagai pegawai pemeriksa)";
- (b) dengan menambah "Pegawai pemeriksa boleh menyimpan kad pengenalan bagi maksud penyiasatan."

Pindaan peraturan 8.

6. Peraturan 8 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memasukkan "atau mendaftar semula" sejurus selepas "mendaftar" dalam baris kedua.

Pindaan peraturan 11.

7. Peraturan kecil (2) peraturan 11 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memotong "\$2" dari baris kedua terakhir dan menggantikannya dengan "\$20".

Pindaan peraturan 13.

8. Peraturan kecil (5) peraturan 13 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda —

- (a) dengan membatalkan perenggan pertama dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —
 - "(a) Mana-mana orang yang didaftarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini yang bertukar tempat tinggal tetapnya hendaklah melaporkan pertukaran tersebut kepada Pesuruhjaya dalam tempoh 14 hari dari tarikh pertukaran itu, dalam borang sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pesuruhjaya, dan borang itu hendaklah diisi selengkapnya dan dihantar dengan pos dengan tidak menggunakan setem kepada Pesuruhjaya Pendaftaran Kebangsaan, di Pusat Pendaftaran, Negara Brunei Darussalam.";
- (b) dalam perenggan (b), dengan memotong "mengikut borang yang ditetapkan di Jadual Ketiga, dan kad penerimaan ini" dari baris-baris keempat, kelima dan keenam dan menggantikannya dengan "yang".

Pindaan peraturan 15.

9. Peraturan 15 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda —

- (a) dalam peraturan kecil (1), dengan memotong "mengikut borang ditetapkan di dalam Jadual Keempat" dari dua baris terakhir dan menggantikannya dengan "dalam borang sebagaimana mungkin diadakan oleh Pesuruhjaya";
- (b) dalam peraturan kecil (2), dengan memotong "Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat" dalam dua baris terakhir dan menggantikannya dengan "Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan".

Pindaan peraturan 18.

10. Peraturan 18 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda —

- (a) dalam peraturan kecil (1), dengan memotong "Kelima" dari baris kedua terakhir;
- (b) dengan menambah peraturan kecil baru yang berikut —
 - "(3) Menteri boleh, dengan perintah yang akan disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, meminda Jadual sebagaimana yang mungkin difikirkannya sesuai."

Pindaan peraturan 21.

11. Peraturan 21 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda —

- (a) dalam peraturan kecil (1), dengan memasukkan ", Pegawai Imigresen Kanan" sejurus selepas "pegawai pendaftar" dalam baris kedua;
- (b) dalam peraturan kecil (2), dengan memasukkan "atau Pegawai Imigresen Kanan" sejurus selepas "pegawai polis" dalam baris pertama.

Pindaan peraturan 24.

12. Peraturan 24 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda —

- (a) dalam peraturan kecil (1) —
 - (i) dalam perenggan (a), dengan memasukkan "atau mendaftar semula" sejurus selepas "mendaftar" dalam baris kedua;

- (ii) dalam perenggan *(b)*, dengan memasukkan "atau mendaftar semula" sejurus selepas "mendaftar" dalam baris keempat;
 - (iii) dalam perenggan *(k)*, dengan memotong "save" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "except";
 - (iv) dalam perenggan *(l)*, dengan memotong "atau";
 - (v) dengan memasukkan sejurus selepas perenggan *(m)* perenggan-perenggan baru yang berikut —
 - "*(n)* tanpa kebenaran yang sah, melepaskan pemilikan suatu kad pengenalan kepada mana-mana orang; atau
 - "*(o)* mengeluarkan atau mengeluarkan semula secara tidak sah suatu kad pengenalan atau mana-mana bahagiannya,
 - (vi) dengan memotong ": Hukuman, penjara selama 2 tahun dan denda sebanyak \$5,000" dari dua baris terakhir dan menggantikannya dengan "dan hendaklah apabila sabit kesalahan dihukum penjara selama 2 tahun, denda sebanyak \$5,000 atau kedua-duanya sekali";
- (b)* dalam peraturan kecil (3), dengan memotong "\$100" dari baris terakhir dan menggantikannya dengan "\$200".

Pindaan peraturan 25.

13. Perenggan *(g)* peraturan 25 dari Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memotong "Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan".

Tambahan peraturan-peraturan baru.

14. Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan menambah peraturan-peraturan baru yang berikut —

"Kewajipan-
kewajipan
penjaga hotel,
dll.

26. (1) Tuanpunya pengurus atau orang lain yang menjaga sesebuah hotel, rumah tumpangan, asrama atau tempat tinggal lain yang serupa tidaklah boleh menyediakan penginapan kepada mana-mana orang, selain daripada orang yang dikecualikan dari pendaftaran atau pendaftaran semula di bawah peraturan 25, melainkan jika dia memiliki suatu kad pengenalan yang dikeluarkan kepadanya dan mengemukakan kad pengenalan itu pada masa dia membuat permintaan untuk menginap kepada tuanpunya, pengurus atau orang lain.

(2) Jika mana-mana orang meminta untuk menginap di mana-mana hotel, rumah tumpangan, asrama atau tempat tinggal lain yang serupa dan tidak memiliki, atau gagal mengemukakan, suatu kad pengenalan yang dikeluarkan kepadanya, adalah menjadi kewajipan tuannya, pengurus atau orang lain yang menjaga untuk memberitahu balai polis yang terdekat mengenai fakta tersebut dengan serta-merta.

(3) Jika mana-mana orang meminta untuk menginap di mana-mana hotel, rumah tumpangan, asrama atau tempat tinggal lain yang serupa dan mendakwa sebagai orang yang dikecualikan di bawah peraturan 25 dari kewajipan untuk mendaftar atau mendaftar semula, tuannya, pengurus atau orang lain yang menjaganya hendaklah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memuaskan hatinya bahawa orang yang mendakwa mendapat pengecualian tersebut berhak di sisi undang-undang terhadap pengecualian itu sebelum memberi penginapan kepadanya.

(4) Mana-mana tuannya, pengurus atau orang yang menjaga sesebuah hotel, rumah tumpangan, asrama atau tempat tinggal lain yang serupa yang menyediakan penginapan kepada mana-mana orang dengan melanggar peraturan ini atau gagal atau lalai memberitahu polis menurut peraturan kecil (2) adalah melakukan suatu kesalahan.

Kewajipan-
kewajipan
pemegang
pajak gadai.

27. Pemegang pajak gadai tidaklah boleh mengambil apa-apa barang yang digadaikan melainkan jika —

- (a) orang yang menawarkan untuk menggadaikan barang tersebut mengemukakan kad pengenalannya untuk pemeriksaan pemegang pajak gadai; dan
- (b) nombor kad pengenalan itu dicatatkan dalam buku yang dikehendaki untuk disimpan oleh pemegang pajak gadai di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai (Penggagal 63) atau sebarang aturan yang dibuat di bawahnya.

Kewajipan-
kewajipan
peniaga
barang-barang
terpakai
berlesen.

28. Peniaga barang-barang terpakai berlesen tidaklah boleh membeli apa-apa barang melainkan jika —

- (a) orang yang menawarkan untuk menjual barang-barang tersebut mengemukakan kad pengenalannya untuk pemeriksaan peniaga berlesen tersebut; dan
- (b) nombor kad pengenalan itu dicatatkan dalam buku yang dikehendaki disimpan oleh peniaga berlesen tersebut di bawah Akta Peniaga Barang-Barang Terpakai (Penggagal 65) atau sebarang aturan yang dibuat di bawahnya.

Pemusnahan dokumen-dokumen, dll. 29. Pesuruhjaya boleh memerintahkan pemusnahan kad-kad pengenalan, gambar-gambar foto, cap-cap jari, maklumat dan dokumen-dokumen yang diberikan oleh pemohon-pemohon yang ada dalam milikkannya apabila dia menganggap bahawa kad-kad pengenalan, gambar-gambar foto, cap-cap jari, maklumat atau dokumen-dokumen, tersebut sudah usang atau tidak sah atau tidak lagi dikehendaki."

Pembatalan Jadual-Jadual.

15. Jadual Pertama, Jadual Kedua, Jadual Ketiga, Jadual Keempat dan Jadual Kelima, kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dibatalkan dan digantikan dengan Jadual baru yang berikut —

"JADUAL		Peraturan 18(1)
Bayaran		
1.	Pengeluaran kad pengenalan	
(a)	kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan	\$10
(b)	kepada bukan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan	\$15
2.	Penggantian kad pengenalan	
(a)	kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan	\$10
(b)	kepada bukan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan	\$15
3.	Penggantian kad pengenalan yang hilang	
(a)	penggantian pertama	\$20
(b)	penggantian kedua	\$50
(c)	penggantian ketiga dan berikutnya	\$100."

22hb. JUN, 2000

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 1 haribulan Jun, 2000.

PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA BAKTI DIRAJA
DATO LAILA UTAMA HAJI AWANG ISA
BIN PEHIN DATU PERDANA MANTERI
DATO LAILA UTAMA HAJI AWANG IBRAHIM
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.